



SOALAN LAZIM

Cabaran Video Zass! TNB 75 Tahun

1. Apa tu "Cabar Video Zass!"?

Pertandingan video trending "Cabar Video Zass! TNB 75 Tahun" ini dianjurkan bagi meraikan ulang tahun ke 75 TNB untuk menyemarakkan semangat kebersamaan dan 'Employee Experience' dalam kalangan warga kerja. Pertandingan ini adalah anjuran bersama Jabatan Komunikasi Korporat Kumpulan dan Jabatan Corporate Affairs, TNB Power Generation Sdn Bhd (TNB Genco) di bawah penaung Ir.Muhamad Nazri Pazil, Pengarah Urusan TNB Genco.

2. Apakah konsep / kandungan cabaran video Zass 75 Tahun TNB?

Isi kandungan video haruslah menggambarkan peralihan dan perubahan era (dulu dan kini/sebelum dan selepas) yang berlaku di TNB sepanjang 75 tahun dengan menggunakan tematema berikut:-

- i. Pakaian rasmi LLN/TNB
- ii. Tempat kerja atau bangunan TNB
- iii. Kenderaan atau fleet TNB
- iv. Teknologi di TNB

3. Siapakah yang boleh menyertai pertandingan ini?

Penyertaan terbuka kepada semua anggota kerja TNB dan anak syarikat TNB sahaja.

4. Bilakah tarikh tutup penyertaan?

Semua penyertaan dan penyerahan video hendaklah dikemukakan kepada pihak pengangur selewat-lewatnya pada 31 Ogos 2024 sebelum jam 23:59:59.

5. Berapa panjangkah durasi video?

Peserta perlu menghasilkan video berdurasi minimum 10 saat dan maksimum 30 saat.

6. Apakah format video yang boleh digunakan?

Format Video: MP4, dengan saiz maksimum 30MB dan sebaiknya dalam format landscape.

7. Bagaimakah cara untuk menghantar video penyertaan?

Peserta dikehendaki mengisi maklumat lengkap pada borang penyertaan dan memuat naik video penyertaan di pautan rasmi pertandingan seperti yang tertera di TNB LIVEWIRE.



Sila rujuk link rasmi pertandingan di TNB LIVEWIRE
untuk mendapatkan maklumat lengkap mengenai
syarat-syarat pertandingan.



SOALAN LAZIM

Cabaran Video Zass! TNB 75 Tahun

8. Bagaimana peserta mengetahui kelayakan menyertai pertandingan?

Peserta akan menerima mesej bukti penerimaan daripada pihak pengajur.

9. Bolehkah warga kerja menghantar lebih daripada satu penyertaan video?

Setiap peserta boleh menghantar lebih daripada satu video sama ada secara berkumpulan ataupun individu. Walau bagaimanapun, peserta hanya layak memenangi satu **(1) hadiah sahaja**.

Setiap bahagian, jabatan, stesen dan anak syarikat **DIGALAKKAN** menghantar sekurang-kurangnya **SATU PENYERTAAN**.

10. Bolehkah video pertandingan dikongsikan ke media sosial warga kerja (personal) seperti FB, Tiktok, Instagram dan lain-lain semasa menyertai pertandingan ini?

Semua video penyertaan menjadi hak milik pengajur dan **UNTUK EDARAN DALAMAN SAHAJA**. Warga kerja tidak boleh berkongsi video pertandingan di mana-mana media sosial peribadi.

11. Apakah kriteria memilih pemenang bagi video ini?

Penjurian terbahagi kepada 2 pusingan di mana Pusingan Pertama melalui Undian Umum secara atas talian (Online Voting) dan Pusingan Kedua melalui Juri Jemputan. Sebanyak 30 video dengan undian tertinggi akan dipilih bagi melayakkkan penyertaan ke pusingan kedua.

12. Bagaimana pemenang diumumkan?

Senarai tiga belas (13) video pemenang rasmi akan diumumkan di platform dalaman TNB yang terpilih dalam masa 60 hari selepas tarikh pertandingan berakhir.

13. Bolehkah rayuan dibuat selepas pemenang diumumkan?

Keputusan juri adalah muktamad. Sebarang rayuan atau pertikaian tidak akan dilayan.



Sila rujuk link rasmi pertandingan di TNB LIVEWIRE untuk mendapatkan maklumat lengkap mengenai syarat-syarat pertandingan.